

07/02/2003

Cuti sekolah sempena NAM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengisytiharkan 24 dan 25 Februari ini sebagai cuti sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas ketika Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di sini.

Bagaimanapun Perdana Menteri menjelaskan, ia bukan cuti umum. Ini bermakna dua hari cuti itu perlu diganti pada hari lain.

"Cuma dua hari pasal pada hari itu ketua-ketua kerajaan dan negara yang tinggal di hotel akan datang ke sini," katanya selepas melawat tempat persidangan NAM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).